

KENYATAN MEDIA
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

BANTUAN KHAS PESAWAH MADA MULA DIAGIH

ALOR SETAR, 14 APRIL – Bantuan khas pesawah sebanyak RM 200 bagi tiga musim yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato` Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2018 pada Oktober tahun lalu mula diagih kepada peladang-peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menteri Besar Kedah, Dato` Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah berkata daripada jumlah peladang tersebut, seramai 43,407 peladang layak menerima bantuan khas pesawah berjumlah RM 26,044,200.

Katanya, walaupun bagaimanapun, seramai 9,008 peladang masih dalam proses rayuan yang melibatkan fasa kedua oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tambah beliau, bagi peladang yang masih dalam proses rayuan adalah disebabkan oleh nama pesawah tiada dalam salah satu antara data MADA atau BERNAS. Oleh demikian, peladang tersebut hendaklah mengisi borang rayuan dengan pengesahan Ketua Unit, Pengurus PPK dan juga Pengurus Wilayah.

Katanya lagi, tempoh rayuan di kawasan MADA dibuka sehingga 30 April 2018.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Program Jom Turun Bendang disini, hari ini.

Dato` Seri DiRaja Ahmad Bashah berkata, Program Jom Turun Bendang diadakan bertujuan makluman kepada semua peladang di dalam Kawasan Muda boleh memulakan aktiviti penanaman padi bagi Musim 1/2018 di samping memberi dan meningkatkan kesedaran di kalangan para peladang mengenai kepentingan mematuhi Jadual Penanaman Padi dan Jadual Bekalan Air.

Dalam pada itu juga, beliau menyeru kepada semua peladang mengambil perhatian dalam pengurusan padi angin seperti mengawal melalui empat kaedah iaitu tabur terus basah, tabur terus dalam air bertakung, kaedah menanam atau mencedung dan kaedah penggunaan teknologi *Clearfield*.

Katanya, pihak MADA telah mengadakan Kempen Padi Angin bersama syarikat racun dalam Kawasan Muda selain sentiasa memantau tahap serangan padi angin berterusan bagi memastikan peratusan serangan dapat dikawal dan juga Kempen Penggunaan Benih Padi Sah yang memberikan kesedaran peladang bagi menjamin kualiti benih dan dapat mengurangkan kehadiran padi angin.

Dalam majlis tersebut juga, Dato` Seri DiRaja Ahmad Bashah turut melancarkan Program Sumber Kekayaan Baru Kelapa Matag Parlimen Alor Setar dan mengagihkan sebanyak 2,000 anak pokok kepada 500 penerima di kawasan tersebut.

Beliau berkata, setiap penerima mendapat empat pokok beserta pakej input pertanian seperti kapur, baja organik dan racun dengan anggaran pengeluaran sebanyak 600 biji kelapa dan nilai pengeluaran berjumlah RM 1,200 pada tahun keempat penanaman.

Katanya, industri kelapa merupakan salah satu industri penting negara kerana menyumbang kepada sosioekonomi negara khususnya bagi pembasmian kemiskinan dalam kalangan pekebun kecil kelapa.

*sebarang pertanyaan boleh menghubungi Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA, Encik Mohd Hafizi bin Zakaria di talian 019-400 3939 atau emel ke mhafizi.zakaria@gmail.com

Dikeluarkan oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat MADA



STATUS PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN KHAS KEPADA PESAWAH DI MADA

- Bilangan keseluruhan pesawah = 52,415 orang
- Bilangan pesawah yang layak = 43,407 orang
(Peruntukan yang diterima oleh pihak MADA adalah berjumlah RM 26,044,200.00)
- Baki pesawah yang terlibat dengan rayuan = 9008 orang (RM5,404,800.00)
– melibatkan penyaluran fasa kedua oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

PROSEDUR RAYUAN DI MADA

- Data MADA seramai 52,414 orang dan diselaraskan dengan data BERNAS seramai 49,764 orang
- Sekiranya nama pesawah tersebut adalah dalam senarai penerima subsidi MADA dan ada dalam senarai BERNAS → pesawah adalah layak secara serta merta
- Sekiranya nama pesawah tiada dalam salah satu antara data MADA @ BERNAS → perlu isi borang rayuan dengan pengesahan daripada ketua unit , Pengurus PPK dan Pengurus Wilayah
- Tempoh rayuan dibenarkan di kawasan MADA – sehingga 30 April 2018